

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS

TARIKH : 6.3.2018

SOALAN : NO. 47

DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [JERANTUT] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang bagi memberikan autonomi kepada Universiti Awam seperti di negara maju bagi mendapatkan Paten dan Hak Cipta daptan kajian memandangkan amalan sekarang yang terlalu birokratik dan mengambil masa yang lama terutama bagi paten.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Universiti Awam (UA) merupakan sebuah badan berkanun yang wujud berdasarkan akta institusi masing-masing. Setakat ini 17 buah UA telah mendapat status autonomi yang meliputi empat bidang iaitu governan institusi, kewangan dan penjanaan pendapatan, pengurusan sumber manusia serta pengurusan akademik dan kemasukan pelajar.

Di bawah autonomi kewangan dan penjanaan pendapatan, UA mempunyai kuasa mutlak untuk memutuskan samada rekacipta baharu hasil dari penyelidikan atau mana-mana harta intelek perlu difaillkan untuk tujuan paten tanpa mendapatkan kelulusan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Setiap permohonan bagi mendapatkan Paten dan Hak Cipta dinilai oleh satu Jawatankuasa Khas yang dipengerusikan oleh Pengurusan Tertinggi UA. Antara kriteria penilaian adalah nilai harta intelek, kebolehpasaran harta intelek dari aspek penjanaan pendapatan kepada universiti dan kesediaan industri untuk menerima teknologi yang dipatenkan. Jawatankuasa tersebut turut berperanan untuk menilai sekiranya harta intelek tersebut mempunyai nilai yang cukup tinggi untuk dipatenkan di luar negara.

Semua permohonan yang mendapat perakuan di peringkat UA akan dikemukakan kepada Perbadanan Harta Intelek Malaysia untuk kelulusan Paten dan Hak Cipta. KPT sentiasa menyokong usaha UA untuk terus mendapatkan Paten serta Hak Cipta ke atas kajian atau penyelidikan dalam usaha penjanaan pendapatan UA selain dari terus bergantung kepada dana awam.